

08 SEP 2000

Mahathir-E-Village/I

PELANCARAN E-VILLAGE PASTI SUKAR DILUPAKAN

DENGKIL, 8 Sept (Bernama) -- Ia sudah pasti malam yang akan tinggl lama dalam kenangan bagi mereka yang menghadiri pelancaran E-Village malam ini dengan hiburan menarik sejak acara dimulakan.

Ia bermula dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan tiket pertama ke E-Village dan kemudian masuk ke Plaza Acara.

Semasa di Plaza Acara, Perdana Menteri serta isteri dan tetamu diraikan dengan tarian kebudayaan, pertunjukkan kung-fu sambil diselang-seli dengan sekumpulan Simfoni Dram Se-Malaysia yang terdiri daripada 20 pemain gendang dan pemuzik yang memainkan rentak Kitaro, lagu tema Mission Impossible dan lagu-lagu tempatan lain.

Selepas makan malam, para hadirin dibawa ke Pentas Bunyi yang menampilkan aksi-aksi pembikinan filem bermula daripada era seniman teragung P.Ramlee.

Ia penuh dengan warna, bunyi dan muzik semasa pertunjukkan selama 45 minit itu.

Pelancaran E-Village itu diakhiri dengan pertunjukkan bunga api selama 15 minit.

Sementara itu, semasa berucap di majlis makan malam itu Pengerusi Lembaga Pengarah E-Village Tan Sri Awang Had Salleh berkata, pasukan E-Village mengambil masa kurang empat bulan untuk menyiapkan fasa pertama studio itu.

"Kita boleh menjadikan Malaysia pusat serantau bagi mewujudkan aplikasi teknologi multimedia bagi kegunaan hiburan, pendidikan dan pendidikan-hiburan," kata beliau.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Pollard Production dari Australia kerana mengatur pertunjukkan semasa pelancaran.

-- BERNAMA

NZ MHI PR